

KEHIDUPAN YANG AMAN DAN BAHAGIA
DATO SERI DATIN
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASIHAN PAMERAN ORKID
SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DI TAMAN ORKID KUALA LUMPUR, TAMAN TASIK
PERDANA, PADA HARI JUMAAT
30HB. OKTOBER, 1987
PUKUL 9.00 PAGI

Yang Berbahagia Dato Elyas Omar,
Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Datin;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian.

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini untuk melihat Pameran Orkid anjuran bersama Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tahniah diucapkan atas usaha mereka mengadakan Pameran Bunga Anggerik atau Orkid ini setiap tahun.

2. Semenjak ianya ditubuhkan tahun lalu, Taman Orkid Kuala Lumpur telah menjadi tumpuan para pelancong tempatan dan juga luar negeri. Inilah satu perkembangan yang menggalakkan dan pihak berkuasa seharusnya menjaga Taman ini daripada segi kebersihan dan keselamatan supaya orang ramai akan sentiasa mengunjunginya dengan selesa.

...Perkembangan/-

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Perkembangan Bunga Orkid di tanahair semakin maju semenjak Kerajaan menggalakkan penanamannya untuk dieksport. Dengan adanya penggalakkan ini, permintaan dari luar negeri telah meningkat, tetapi penghasilan keratan Bunga Orkid oleh sektor swasta tidak dapat memenuhi permintaan pasaran luar negeri. Saya berharap dengan adanya permintaan yang tinggi ini ramai lagi pengusaha-pengusaha tempatan akan menceburkan diri dalam perusahaan Bunga Orkid.

4. Saya percaya dengan kerjasama pihak Kerajaan dan sektor swasta, perusahaan Bunga Orkid boleh dijadikan satu perusahaan yang

...besar/-

besar bagi negara kita. Buat masa ini negara kita belum lagi mengeksploitasi sepenuhnya potensi perusahaan bunga seperti negara-negara jiran kita. Saya percaya negara kita boleh menjadi pengeksport bunga yang terkemuka di rantau ini. Kita mempunyai tanah yang subur, iklim yang baik dan infrastruktur yang memuaskan. Apa yang diperlukan ialah pengusaha-pengusaha yang berani menanam modal dalam perusahaan bunga dan penanam-penanam Bunga Orkid yang gigih.

5. Untuk mencapai matlamat ini, saya ingin menyeru kepada pakar-pakar sains dan penyelidik kita agar membuat penyelidikan ke atas Bunga Orkid untuk membantu pengusaha-pengusaha dan petani-petani

mengembangkan perusahaan Bunga Orkid di tanahair kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pada lazimnya hanya peminat Bunga Orkid sahaja yang lebih mengetahui jenis-jenis Bunga Orkid yang sedia ada. Ini adalah kerana setiap jenis Bunga Orkid itu adalah unik dan berlainan dan mempunyai nama yang tersendiri. Untuk mempopularkan Bunga Orkid di kalangan masyarakat mereka perlu didedahkan kepadanya. Ini boleh dijalankan melalui televisyen, penerbitan, pameran, pertandingan dan sebagainya. Usaha Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk mengadakan pameran tahunan adalah satu

... usaha/-

usaha yang baik untuk memperkenalkan jenis-jenis Bunga Orkid kepada orang ramai.

7. Satu lagi cara untuk mempopularkan Bunga Orkid ialah dengan memperluaskan konsep Taman Orkid ini kepada semua negeri. Bagi negeri-negeri yang belum ada taman seperti ini, saya berharap usaha untuk menubuhkannya akan dijalankan. Di negeri-negeri tentulah terdapat banyak jenis Bunga Orkid yang tumbuh liar di dalam hutan. Usaha-usaha hendaklah dijalankan untuk mendapatkan jenis Bunga Orkid liar ini supaya dapat ditanam dalam Taman Orkid untuk dilihat oleh orang ramai. Usaha-usaha juga boleh dijalankan untuk mencantumkan seberapa banyak jenis atau 'hybrid' yang tersendiri dan unik kepada

...sesuatu/-

sesuatu negeri itu. Saya percaya dengan cara ini akan memperkayakan lagi jenis Bunga Orkid dalam negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Saya percaya sektor swasta juga boleh memainkan peranan yang penting bagi mempopularkan kegunaan Bunga Orkid. Kerajaan telah pun berusaha untuk menggalakkan pelancongan. Dalam hal ini kita boleh memperkenalkan Bunga Orkid sebagai lambang kecantikan dan keistimewaan Malaysia. Simbol atau lambang Bunga Orkid boleh digunakan dalam perhiasan atau dalam risalah dan penerbitan berkaitan dengan pelancongan.

...Restoran/-

9. Restoran-restoran dan hotel-hotel juga digalakkan untuk terus menggunakan Bunga Orkid sebagai perhiasan dan gubahan dalam bilik-bilik penginapan dan restoran-restoran. Dengan cara ini Bunga Orkid sentiasa dilihat dan disanjung tinggi.

Para hadirin sekalian,

10. Perusahaan Bunga Orkid tidak akan berjaya sekiranya kerjasama tidak wujud di kalangan sektor swasta dan pihak Kerajaan. Dengan penubuhan Persatuan Orkid Malaysia saya berharap kerjasama ini akan ditingkatkan lagi demi perkembangan perusahaan orkid negara. Saya berdoa agar hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport Bunga

...Orkid/-

Orkid yang terkemuka, akan dapat dicapai tidak lama lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur atas jemputan merasmikan Pameran ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Tahunan 1987 Persatuan Anggerik Selangor dan Wilayah Persekutuan ini.

Terima kasih.

